

Article Info:

Published Date: 01 March 2022

*Corresponding Author: abdulhalim@aswara.edu.com

KUBISME PICASSO

Cubism Picasso

Abdul Halim Husein, Azman Ismail, Romli Md. Akin

Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Fakulti Pascasiswazah

To cite this article (APA): Husein, A. H., Ismail, A., & Md. Akin, R. (2022). Cubism Picasso. *KUPAS SENI*, 10, 30-42. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.4.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.4.2022>

ABSTRAK

Catan kubisme Picasso menampakkan gaya khusus pelukisnya dan apabila pendekatan Art-Based Research Shaun McNiff diguna pakai, berdasarkan isi karya, terdapat enam kategori yang ketara iaitu perihal manusia, tempat, mood suasana dan keadaan, bersifat sindiran, pemikiran saintifik dan edukatif. Art-Based Research Shaun McNiff yang memaparkan landasan teoritikal dan idea penyelidikan menjadi penting kerana wujud keselarian disiplin penyelidikan dengan ciri asas karya kesenia catan. Ia juga menjadikan aktiviti penyelidikan lebih lancar, penemuan menjadi lebih cepat diperoleh dan lebih tepat. Penyelidikan perihal catan kubisme Picasso bersandarkan sembilan soalan iaitu apakah ciri ketara karya, nama ciri itu, rupa ciri, bagaimana ia terhasil oleh Picasso dan dihasilkan oleh pengkaji, alasan ciri itu menjadi tanda aras kewujudan nilai aliran kubisme, alasan ciri itu menjadi titik kekuatan karya, apakah ciri sokongan dalam karya dan alasan catan kubisme Picasso dikelompokkan. Menerusi Art-Based Research Shaun McNiff, didapati isi dan pemikiran catan kubisme Picasso bersifat malar segar (*evergreen*) dan wujud titik temu dengan catan kontemporari.

Kata kunci: catan kubisme, Picasso, Art-Based Research Shaun McNiff

ABSTRACT

Picasso's cube art reflects his artist's unique style and when Shaun McNiff's Art-Based Research approach is applied, based on the content, there are six distinct categories of human nature, place, mood and mood, satire, scientific and educational thought. Shaun McNiff's Art-Based Research, which shows the theoretical underpinnings and ideas of the research, is important because there is a wide range of research disciplines with basic features of catanian art. It also makes the research activity more streamlined, the discovery faster and more accurate. The research on Picasso's cube theory is based on nine questions, what are the distinguishing features of the work, the names of the features, the features of it, how it was produced by Picasso and the researcher's reasoning, the reason for it being the benchmark of the existence of the value of the flow of the cubism, the reason why it is the point of strength of the work, what are the supporting features in the work and the reason why Picasso's cube is classified. Through Art-Based Research Shaun McNiff, Picasso's evergreen body and body of ideas are found and contemplated with contemporary art.

Keywords: cube cube, Picasso, Art-Based Research Shaun McNiff

PENGENALAN

Kubisme mennenjadi isu popular dan ia menjadi penting kerana karya-karya Picasso dan George Braque menjadi pencorak karya abstrak di dunia pada abad yang ke-20, bermula pada tahun 1907, khususnya sesudah catan yang bertajuk *Les Demoiselles d'Avignon* dipamerkan kepada masyarakat. “*Cubism is no different from other school of painting. The same principles and the same elements are common to all. The fact that for along time cubism has not been understood and that even today there are people who cannot see anything in it, means nothing.*” (Picasso, 1934, p.10-11). Menurut Alfred (1936) “*The beginning of cubism followed close upon the Fauve revolt of 1905. Braque was at first a member of the Fauve group and worked under the influence of Matisse and Friesz until 1907. Picasso too, though outside the Fauve movement, was certainly Fauve in the barbaric spirit and color of much of his work of 1906 to 1908*”. Memahami kubisme sewajarnya memahami kreativiti. Langkah pertama ialah menafsirkannya, iaitu ada tiga komponen (Kaufman & Sternberg, 2007). Pertamanya, idea kreatif mesti mewakili sesuatu yang berbeza, baharu atau inisiatif. Kedua, idea kreatif mesti berkualiti tinggi dan ketiga, ia bersifat penafsiran semula (Kaufman & Sternberg, 2015; 33). Proses kreatif turut penting dan model Geneplore merupakan model terkini yang terbahagi kepada dua fasa, iaitu generalisasi dan eksplorasi (Finke, Ward & Smith, 1992). Memilih penyelidikan asas seni merupakan suatu langkah yang amat tepat kerana melibatkan catan kubisme Pablo Picasso. McNiff (1998) kenal pasti ada dua prinsip fundamental sebagai panduan pemikiran iaitu pertama, idea terpenting timbul daripada proses kreasi dan kedua, proses kajian mesti berkeadaan rapat kepada pengalaman terapi (hal.169-170).

KUBISME PICASSO

Puluhan ribu buah karya Picasso dipamerkan di ratusan buah muzium dan galeri di ratusan buah negara di dunia dan media sosial iaitu laman sesawang seperti Museum Picasso de Barcelona, Pablo-Ruiz-Picasso.net, Picasso, malah menerusi Facebook ada Pablo Picasso, karya-karya seniman ini menjadi dekat kepada masyarakat. Individu yang bijaksana mengambil manfaat daripada nilai-nilai yang dapat disaring daripada puluhan ribu karya Picasso. Amat ketara bahawa karya-karya Picasso boleh menajamkan akal, dengan itu pemerhati dan pengkaji secara automatis berasa diri diajak berfikir dan terus berfikir. Terdapat puluhan buah karya abstraknya beraliran kubisme yang subjeknya sama iaitu wajah perempuan yang dilukisnya berdasarkan karakteristik iaitu wajah Dora Maar hingga tujuh buah, wajah Olga, Francoise dan Slyvette bersegi-segi. Kata Picasso, “*My old paintings do not interest me. I am much more curious about those I still haven't painted yet.*” (Brassai, 1997). Unsur dinamik ini ada dalam kata-kata ini dan masyarakat terangsang untuk terus memajukan diri dalam kehidupan.

Picasso menyarankan bahawa “*The essential thing is to do what you want to do.*” (Picasso, 2002). Saranan Picasso ini amat bernilai kepada masyarakat kesenian agar benar-benar berada di landasan kreativiti yang sempurna. Idea ini boleh memandu seniman ke arah pembentukan sikap yang amat luas skop reka cipta dan impaknya pastilah karya yang terhasil bermutu tinggi kerana terdapat nilai fokus dan gabungan pemikiran dengan perasaan. Picasso berpendapat, “*All I want is for my paintings to release the emotion.*” (Zervos, 1935). “*There is no painting or drawing of mine that does not follow exactly a vision of the world.*” (Brassai, 1997). Picasso memanfaatkan kehidupannya dan mengajak masyarakat memanfaatkan kehidupan masing-masing, dengan itu, kekecewaan boleh dihindari, kesusahan boleh ditukar ganti dengan kesenangan dan kejahilan mudah diubah agar menjadi kebijaksanaan. Pendirian ini dinyatakannya dan karya-karyanya, berupa catan, lukisan, seramik, mural, skulptur dan cetakan lino mengandungi bukti pendapat Picasso.

METODOLOGI KAJIAN

Art-Based Research Shaun Mcniff

Kajian ini berupa kajian kualitatif dan pendekatan yang dipilih ialah “*art-based research*”, dengan itu, buku *A Practical Guide to Arts-related Research* karangan Maggi Savin-Baden dan Katherine

Wimpenny dirujuk (Maggi & Katherine, 2014). Menurut mereka, prinsip penyelidikan berdasarkan kesenian bermula dengan penyelidikan dipandu oleh nilai akhlak, iaitu suatu garis panduan yang dilakukan lebih awal oleh Savin-Baden dan Major pada tahun 2013, diikuti ilmu pengetahuan diguna pakai sepanjang tugas, fokus kepada tindak balas, kualiti kesenian dan prihatin kepada nilai autentik. Helen Kara (Kara, 2019) berpendapat bahawa kaedah penyelidikan kreatif boleh menjawab soalan masa kini yang kompleks dan soalan berkenaan sukar dijawab apabila pendekatan lama diguna pakai. Kaedah kreatif lebih jelas unsur etikanya dan membantu penyelidik menghalau ke arah persoalan ketidakadilan sosial. Kara utamakan tindakan mengenal pasti dan pemeriksaan empat kaedah penyelidikan, iaitu “*art-based research*”, penyelidikan menggunakan teknologi, penyelidikan campuran dan bingkai penyelidikan transformatif. Penyelidikan berasaskan kesenian atau “*art-based research*” boleh didefinisikan sebagai suatu kegunaan yang sistematis proses kesenian bagi menimbulkan suatu ekspresi kesenian dalam pelbagai bentuk kesenian yang berbeza-beza(McNiff, 2008).

Menurut McNiff (1998): “*As I review my experience with art-based research I identify two fundamental principles which I offer as guiding thoughts. First, the most important ideas and accomplishments emerge from the process of creation, and they are less likely to be planned in advance. Second, the process of research should correspond as closely as possible to the experience of therapy*”

Jadual 1. Kaedah penyelidikan kreatif *Art-based methods* (1 daripada 3)

Research design	Spidergrams, peta minda, garis masa
Kajiian literatur	Dokumen peribadi, karya cetakan sendiri, Sastera kreatif
Pengutipan data	Wawancara, ingin tahu, jurnal, pemetaan, lukisan, catan, kolaj
Analisis data	Penulisan skrip lakon, analisis metafora, kajian puisi

“*Art-Based Research*” sesuai malah lebih meyakinkan penyelidikan bahan kesenian berupa seni tampak seperti lukisan, catan dan kolaj. McNiff turut menyarankan pendapat Beveridge dirujuk untuk mengetahui tentang metode terapi seni. Pendapat tersebut dinyatakan menerusi *The Art of Scientific Investigation*: “*training in research must be largely self-training, preferably with the guidance of an experienced scientist in the handling of the actual investigation*” (hal.1950). Berkaitan kesan kualiti estetik, ekspresi kesenian ialah aktiviti yang mengandungi kritik estetik. Ia boleh dinyatakan bahawa setiap individu yang menghasilkan karya kesenian berhak meluahkan perasaan seberkesan mungkin. Jika dikaitkan dengan kualiti dan pengalaman artis dalam proses kreatif, ia lebih diterima sebagai terapi seni. Penilaian kualiti ekspresi menjadi perkara yang provokatif dalam sejarah terapi seni. Kualiti ekspresi perasaan yang bersahaja setiap individu menjadi suatu unit yang difokuskan dalam semua bidang kesenian (McNiff, 1998, hal. 171).

ISI KARYA CATAN KUBISME PICASSO

Kerangka konseptual gaya Picasso

Kaedah dalam kajian ini turut dikemukakan kerangka konseptual gaya Picasso kerana lima elemen mustahak yang juga memiliki tanda keselarian dengan pendekatan kualitatif, “*art-based research*”. Teori Kreasi Keindahan Zangwill (2007:167) diguna pakai dan jelas keselariannya dengan penyelidikan berasaskan kesenian kerana fokusnya pada bagaimana produk kesenian dicipta.

Sejak tahun 2018 lukisan dan catan studi karya Picasso dihasilkan, pendekatan penyelidikan berasaskan kesenian menjadi pilihan, dengan demikian, dua belas soalan disediakan bertujuan sebagai pendisiplinan agar tiada tugas menjadi sia-sia, sebaliknya, ia menjadi selari dengan objektif kajian. Soalan-soalan itu ialah apakah ciri ketara karya kubisme Pablo Picasso?, apakah nama ciri itu?, bagaimanakah rupa ciri itu?, bagaimanakah ia dihasilkan oleh Picasso?, bagaimanakah ia dihasilkan

Cubism Picasso

oleh pengkaji?, mengapakah ciri itu menjadi tanda aras kewujudan nilai aliran kubisme?, mengapakah ciri itu boleh menjadi titik kekuatan karya?, apakah yang menjadi ciri sokongan dalam karya?, mengapakah perlunya karya Picasso dikelompokkan?, apakah isi karya-karya (120 buah yang dipilih) kubisme Picasso, bagaimanakah nilai estetikanya dan nilai pemikiran Picasso serta sumbangannya kepada seni kontemporari?

Data diperoleh daripada Alfred H. Barr, Rj yang mengarang buku bertajuk Cubism and Abstract, terbitan The Museum of Modern Art, New York, pada tahun 1936, diikuti, Anna Starmer, menerusi bukunya The Color Scheme Bible. Inspirational pallettes for designing home interiors. Terbitan A Firefly Book, New York, (2013), Arthur I Miller yang menghasilkan eseai bertajuk “Einstein, Picasso” dalam Physics Education, terbitan London: IOP Publishing, London pada tahun 2004 dan menerusi buku bertajuk Picasso Forty Years of His Art, pengarangnya ialah Pablo Picasso, terbitan tahun 1939 oleh The Museum of Modern Art, New York, dan diterbitkan semula pada tahun 2017, yang terdapat pada halaman 194 – 196 senarai tajuk catan penting dan tempat pamerannya, diikuti tajuk karya.

Data

Catan landskap kubisme Pablo Picasso yang dikaji (Picasso, 1939, hal.1-219).

1. Isinya perihal manusia
 - a) Les Demoiselles d'Avignon 1907 cat minyak di kanvas, 243.9 x 233.7 sentimeter, New York, Museum of Modern Art.
 - b) (Tanpa tajuk), 8 April 1973 (beberapa jam sebelum meninggal dunia, Picasso masih melukis catan kubisme ini.
2. Isinya perihal tempat
 - a) The restaurant: Turkey with truffles and wine, 1912
 - b) Factory in Horta de Sant Joan, 1909, St. Petersburg, Russia
3. Isinya perihal mood suasana dan keadaan
 - a) Portrait of Fernarde, 1909, Dusseldorf, Kunstsammlung Nordrhein-Westfalen, Jerman
 - b) Man with arms crossed, 1909, cat air, gouche dan arang di kertas dan di kadbur St. Petersburg, Russia.
4. Isinya ketara menyindir kelompok manusia tertentu dan sejenisnya
 - a) Two naked figures, 1908, cat minyak di kanvas
 - b) Nude woman, 1910, Washington, National Gallery of Art
5. Isinya berupa pemikiran futuristik
 - a) Portrait of Daniel-Henry-Kahnweiler, 1910, Chicago, The Art Institute
 - b) Monument (Head of a woman), 1929
6. Isinya bersifat edukatif
 - a) Violin and guitar, 1913, St. Petersburg.
 - b) Polichinelle with guitar before the stage curtain, 1919, simpanan persendirian.

Prinsip pemilihan catan Picasso

Catan kubisme Picasso dibahagikan kepada enam kategori iaitu pertama, keperihalan mengenai manusia, kedua, isinya perihal tempat, ketiga, isinya mengenai mood suasana dan keadaan, keempat, isinya mengenai pemikiran saintifik, kelima, isinya mengenai futuristik, dan keenam, isinya bersifat edukatif. Katalog bertajuk *Picasso Forty Years of His Art* (Picasso, 1939), catan yang berjumlah 232 buah yang dikaji dan catan yang dipamerkan bermula pada tahun 1897 hingga 1940, 78 kali, yang ada tahun yang ada pameran hingga lima kali di tempat yang berlainan dikaji juga.

Kata-kata Picasso pada tahun 1923 dan 1935 dalam katalog yang sama berupa esei yang mengandungi makna kubisme, catan turut diteliti, karya kesenian dan sikap masyarakat turut dikaji. Daripada 2,000 catan kubisme Picasso, saringan dilakukan berdasarkan kepada gambaran utama tampak dan pemikiran utama dalam karya. Benarlah bahawa majoriti catan aliran realisme, impresionisme, pointilisme dan kubisme ada gambaran tampak (*surface structure*) dan gambaran lapisan dalaman (*deep structure*) berkaitan dengan manusia. Enam kategori catan kubisme yang dibina untuk analisis tetap bersandarkan gambaran tampak dan dalaman yang utama dan signifikan.

DAPATAN DATA

Wilkinson menyatakan (Wilkinson, 1998) “*Making a painting or drawing with your own eye and hands gives considerable satisfaction, the more so as one gets better at it. Fortunately the mastering of technique is itself an enjoyable process.*” (hal.6). Ada persamaan pendapat ini dengan pendapat Picasso dan kerana itulah kata Picasso, ketika dalam proses menghasilkan catan kubisme, dia sendiri mahu mengetahui bukan apakah kesudahannya, tetapi apakah yang ditemuinya satu-persatu. (Picasso, 1939). Menurut Picasso (1939): “*A person, an object, a circle are all “figures”; they react on us more or less intensely. Some are nearer our sensations and produce emotions that touch our affective faculties; others appeal more directly to the intellect.*” (hal. 17).

Data berupa catan kubisme terpilih menjadi subjek kajian. Pada kaca mata Picasso, elemen tampak (*surface structure*) tidak lagi penting tetapi elemen dalaman (*deep structure*). Picasso mementingkan isi karya iaitu elemen yang bersifat pemikiran dan perasaan.

KEKUATAN CIRI CATAN KUBISME

Unsur-unsur tampak dan tidak tampak dalam catan ditandai pemikiran yang tinggi.

Isinya perihal manusia



Rajah 1. Les Demoiselles d'Avignon, 1907, cat minyak di kanvas 243.9 x 233.7 sentimeter, New York,
Museum of Modern Art.

Cubism Picasso

Catan ini yang dikaji menerusi kesemua ciri, isi, pemikiran dan ilmu boleh mewakili sejumlah catan lain yang tajuk-tajuknya ialah *Portrait of Fernande* (1909), *Swimming* (1908), *Portrait of Ambroise Vollard* (1910), *Nude woman* (1910), *Portrait of Daniel-Henry-Kahnweiler* (1910), *Nude, I love Eva* (1912), *Harlequin* (1915), *Three Musicians* (1921), *Female burst* (1922), *Nude female standing* (1922), *Seated nude* (1922), *Standing female nude* (1923) dan *Seated woman* (1923). Pengertian kubisme merujuk kepada bentuk kiub dan persegi yang dilukis oleh Picasso untuk menggambarkan bentuk jasad watak-watak dalam catan. Sifat kiub dalam catan Picasso berkeadaan persegi dan banyak pemukaan sempadan. Menurut Robert Cumming (2005), “*the faces of these figures were repainted after Picasso had a “revelation” about African sculpture at the Etnographic Museum in Paris in 1907.*” Watak yang berada paling hampir dengan pemerhati catan digambarkan membelakangkan audien tetapi mukanya berpaling bermakna menagih simpati, muhu menjadi jurucakap lalu meminta pertolongan daripada masyarakat. Watak ini merupakan wanita yang agak tua dan wajar dia melindungi wanita yang lebih muda usianya. Merujuk kata-kata Picasso (Picasso, 1934) aliran kubisme sama seperti aliran kesenian yang lain, catan *Les Demoiselles d'Avignon* mengandungi elemen asas catan iaitu garisan, bentuk, warna, tona, komposisi, tekstur, pergerakan dan ruang. Elemen perisian iaitu isi cerita dalam karya, unsur ilmu, mesej, latar budaya, ekonomi, politik dan agama juga ada.



Rajah 2. Tanpa tajuk

8 April 1973 (beberapa jam sebelum meninggal dunia, Picasso masih melukis catan kubisme ini. Catan ini boleh mewakili catan-catam lain yang ada ciri yang sama yang tajuknya ialah *Abstract guitar* (1926), *Head of a woman* (1926), *Figure and profile* (1928) dan *Visage (Face)* (1928). Persamaan ciri mencakupi dataran permukaan (*surface structure*) dan dataran dalaman (*deep structure*). Pada aspek dataran permukaan, catan dalam kategori ini ada unsur cerita mengenai manusia. Digambarkan oleh Picasso secara abstrak, iaitu bentuk seringkasnya, antara caranya ialah garisan halus tetapi membentuk bentuk (*form*) yang besar. Unsur kubisme dalam catan terakhir Picasso ini sangat jelas ciri persegiannya dan ia berupa garisan yang boleh mewakili bentuk. Gambaran perasaan Picasso yang diwakili dua bulatan yang merujuk mata dan emosi yang tidak kesampaian ini meletakkan audien berada di landasan yang sarat dengan pemintaan Picasso agar memahami maksud akhirnya, sebelum dia meninggalkan dunia yang fana' ini. Latar dan perisian keputihan yang juga menggambarkan percikan Cahaya boleh berupa tanda kehadiran sakratul maut yang dihadapi oleh Picasso pada 8 April 1973.

Teknik penciptaan unsur-unsur dalam catan lebih kreatif



Rajah 3. *The restaurant: Turkey with truffles and wine*, 1912 oil on canvas.

Pemerian tempat menjadi satu daripada tanda catan kubisme Picasso dan tempat bermaksud ada latar belakang dan latar bawah digambarkan dalam catan..Ciri kubisme berupa gambaran bentuk kiub yang

memiliki permukaan sempadan yang bersegi-segi, dan, gambaran latar belakang serta latar bawahnya tidak dinyatakan dalam lukisan. Dalam catan *The restaurant: Turkey with truffles and wine* ada ciri kubisme pada gambaran objek di kanan dan kiri catan yang boleh dimaksudkan sebagai botol wain. Ciri kubisme pada botol menjadi simbolik kepada alkoholik iaitu penyakit nafsu yang menjadi amalan sesetengah orang. Kelainan ciri pada catan yang isinya perihal tempat ini ialah adanya unsur ruang dalam catan Picasso dan munasabahlah untuk menyatakan bahawa ada bukti realiti kubisme masih relevan hingga ke hari ini (Ahmad Zainuddin, 2019).



Rajah 4. *Factory in Horta de Sant Joan*, 1909 oil on canvas St. Peterburg


Ciri landskap dalam catan *Factory in Horta de Sant Joan* (1909) dan catan ini boleh mewakili catan-catam lain yang tajuknya ialah *Two naked figures* (1908), *Swimming* (1908), *Maiden burst (Marie-Therese Walter)* (1927), *Musketeer and two naked* (1972) dan *Women of Algiers, version "o"* (1955). Ciri kubisme iaitu persegian digambarkan pada bangunan yang ada banyak permukaan yang secara keseluruhan bentuk, tidak sama sebagaimana rupanya dalam karya aliran realisme. Merujuk prinsip kerangka konseptual gaya Picasso, ciri catan ini ada unsur keunikan tersendiri dan ada elemen pemikiran laras tinggi. Peluasan makna kubisme dalam kategori ini ditunjukkan oleh Picasso iaitu landskap tempat, termasuk panorama muka bumi. Hujah ini menjadi alasan bahawa kubisme mampu menguasai karya aliran lain khususnya realisme dan impresionisme.

Elemen geometrikal lebih rencam pada bentuk



Rajah 5. *Portrait of Fernande*, 1909 Dusseldorf, Kunstsammlung Nordrhein-Westfalen, Germany

Catan *Portrait of Fernande* ini boleh mewakili catan lain yang bertajuk *Portrait of Ambroise Vollard* (1910), *Nude woman* (1910), *Portrait of Daniel-Henry-Kahnweiler* (1910) dan *Nude, I love Eva*. Ciri utama kubisme dalam kategori ini ialah gambaran permukaannya iaitu muka watak manusia yang bersegi dan ada catan yang tidak jelas muka watak manusia, iaitu seakan-akan tersembunyi. Mood suasana dan keadaan sangat ketara dalam catan jenis ini. Ada suasana kemurungan, sedih, keliru, hampa, dendam dan kecewa. Menurut Picasso (1939):“*We all know that art is not truth. Art is a lie that makes us realize truth, at least the truth that is given us to understand. The artist must know the manner whereby to convinces others of the truthfulness of his lies. If he only shows in his work that he has searched, and re-searched, for the way to put over his lies, he would never accomplish anything.*” (hal.10)



Rajah 6. *Man with arms crossed*, 1909 cat air, gouche, arang di kertas dan di kadbur. Saint Petersburg.

Catan *Man with arms crossed* berada dalam kategori yang sama dengan catan lain yang tajuknya ialah *Portrait of Olga* (1921), *Female burst* (1922), *Nude female standing* (1922), *Seated nude* (1922), *Head of a woman* (1924) *Head of a woman* (1926), *Portrait of Dora Maar* (1936), *Woman with arm leves (Head of Dora Maar)* (1936), *Pitcher and Bowl of Fruit* (22 Februari 1931), *Reclining Woman* (9 November 1931), *Two Nudes in a Tree* (4 Julai 1931) dan *Still life in a Table* (11 Mac 1931). Jumlah catan yang subjek dan tajuknya sama merujuk seorang model melebihi sebuah, misalnya, Dora Maar ada tujuh buah, Olga ada tiga buah, malah Jaqueline hingga 400 buah. Terdapat perbezaan tertentu, namun boleh dihimpunkan dalam kategori khusus berdasarkan persamaan ciri.

Peluasan makna karya kubisme lebih berkesenian



Rajah 7. *Swimming* (1908) cat minyak di kanvas

Catan *Swimming* ini boleh mewakili catan lain yang tajuknya *Two naked figures* (1908), *Female burst* (1922), *Nude female standing* (1922), *Seated nude* (1922), *Standing female nude* (1923), *Seated woman* (1923), *Head of a woman* (1924), *Head of a woman* (1926), *Head* (1926) dan *Head of a woman (Olga Kokhlova)* (1935). Kubisme tetap ada ciri persegi, kuadra dan permukaan sempadan yang banyak. Catan yang ada dalam kategori ini mengandungi isi ketara bersifat mesej edukatif iaitu menyindir, menempelak dan menyedarkan model berkenaan serta audiens dan masyarakat. Unsur kesenian berada di peringkat lebih tinggi pada catan dalam kategori ini bermula pada pandangan pertama dan kelihatan unsur keindahan yang menyeluruh pada bentuk, warna, tona, perspektif dan komposisi. Unsur kubisme tetap jelas dan mesra mata. Perihal warna yang berkesenian, dinyatakan oleh Sharon Exley (Sundae, 2016): "Color is essential to our everyday lives. Color is stimulating and soothing, thrilling and expectant, cultural and magical. In our manmade explorations in the spaces in which we work, play, learn, and live, color is part of our everyday lives. While there are countless scholarly treatises on color harmony, color theory, color relativity and psychology, the heroism of color in architecture has been an oft-neglected aspect in design." (hal.4) Makna unsur kubisme dalam kategori ini lebih kepada menjadi perantara kepada dua perkara iaitu catan yang mengandungi unsur kubisme yang tidak menonjol, sebaliknya mesra mata dan pihak audiens. Ciri kubisme tidak rencam dan tidak mendominasi latar permukaan (*surface structure*).



Rajah 8. *Nude woman (Standing figure)*, 1910 cat minyak di kanvas, di Washington,
National Gallery of Art

Nude woman berada dalam kategori catan yang tajuknya *Head of a woman (Olga Kokhlova)* (1935), *Portrait of Dora Maar* (1936), *Head of Dora Maar* (1936), *Self-portrait* (1972), *King* (1972) dan *Head* (1926). Menurut Picasso (1939): “*Cubism grew rapidly more abstract in 1910. Sculptural or modeled forms and continuous contours were eliminated in favor of flattish quasi-geometrical planes and broken silhouettes. The curved lines in the drawing, no.92 (Figure, 1910), and the painting, no.94 (Nude Woman), suggest cross-sections of the figure. These works are not entirely “abstract”, they retain certain vestiges of the “model” but these very vestiges serve to indicate the process of abstraction and lead to a more complicated esthetic tension than is possible in purely abstract compositions of squares or circles*”. (hal.73)

Perubahan demi perubahan dalam karya catan begitu terserlah



Rajah 9. *Portrait of Daniel-Henry-Kahnweiler* 1910 cat minyak di kanvas di Chicago,
The Art Institute.

Catan lain yang ada ciri yang sama dengan catan ini bertajuk *Woman with mustard* (1910), *Femme-assise* (1909), *Femme-Paris* (1946), *Seated nude* (1909), *The Eye-Exhibition Love Fame Tragedy* (1932), *The woman playing the mandoline* (1909), *Woman with a book*, *Woman with a hat sitting in a chair* (*Dora Maar*) (1941), *Nude* (1911), *Pierrot (Seated Man: Accordionist)* (1911), dan *Man with hat (Portrait Braque)* (1909). Pertanyaannya, apakah pemikiran futuristik yang ditemui dalam catan yang ada dalam kategori ini, pastilah boleh merujuk tanda dan cirinya iaitu kubismenya berupa tindanan kiub yang maksudnya, kesesakan yang terjadi di dunia pada era futuristik, contohnya, binaan di kota, kenderaan di jalan raya serta manusia yang banyak jumlahnya, juga bermaksud kerencaman merujuk pemikiran manusia, kompleksiti dan ciptaan baharu yang diguna pakai oleh manusia, termasuklah kini, komputer, telefon dan ilmu moden. Kubisme berperanan menjadi suatu simbol yang amat tepat untuk menunjukkan sesuatu yang masih rahsia kerana ia akan dicipta kemudian. Perihal perubahan yang terserlah dalam karya kesenian, Manuja Waldia (Paul Buckley,2016) menyatakan: “*Shakespeare’s*

Cubism Picasso

work is quite old, while my illustration style is very modern. However, most of the broader themes that appear in the work are timeless, and it's genius..." (hal.272)



Rajah 9. *Monument (Head of a woman)* 1929.

Catan yang menjadi contoh kedua dalam kategori futuristik ini berkeadaan ada gambaran bangunan yang didirikan di puncak bukit, manakala bentuk dan rupanya unik, juga ada ciri kemodenan. Catan lain yang berada dalam kategori ini ialah yang bertajuk *Bathers drying themselves* (1909), *Harlequin* (1909), *Bust of a woman* (1944), *Crouching man* (1971), *Friendship* (1908), *Female burst* (1971) dan *Young woman* (1909). Pemikiran futuristik yang digambarkan dalam catan yang ada dalam kategori ini menjurus ke arah maksud duniawi, materialistik atau kebendaan, bermaksud sikap manusia akan datang mementingkan diri, oportunistik dan bersikap pemuatan diri (*self-centered*), atau, bangga diri, ujub atau berasa diri sendiri melebihi orang lain.

Keunikan tersendiri (Olivier Widmaier Picasso, 2018)



Rajah 10. *Violin and guitar.* 1913 oil on canvas, St. Petersburg.

Catan lain yang berada dalam kategori edukatif ini ialah yang bertajuk *Woman with a fan* (1908), *Woman sitting in armchair (Jacqueline)* (1962), *Man with a violin* (1913), *Still-life* (1913), *Portrait with the words "J'aime Eva"* (1912), *The Model* (1912), *Still-life with a Guitar* (1913). Menurut Picasso (1939): "*Cubist interest in textures increases during 1913-14 in such complex arrangements as this still life and the oral composition opposite in which a variety of paper and painted surfaces is combined in compositions of predominantly rectangular shapes.*" (hal.82). Picasso menyatakan bahawa jika dilukisnya gambaran kuda liar, tiadalah rupa kuda tetapi rupa liar itu amat jelas. *Guernica* (1937) juga kubisme unik yang tersendiri iaitu Picasso gambarkan keadaan mangsa pengeboman dan rupa senjata yang menjadi alat serta sikap hodoh pembunuhan.



Rajah 11. *Polichinelle with guitar before the stage curtain*, 1919 Gouche on canvas.
Koleksi persendirian.

Catan lain yang berada dalam kategori ini ialah yang bertajuk *The Studio* (1926), *The Three Dancers* (1925), *The Ram's Head* (1925), *Still life with a Bottle of Wine* (1926), *Head* (1926), *Four Ballet Dancers* (1925) dan *Two Ballet Dancers Resting* (1925). Makna intrinsik merujuk pada kehidupan. Pentas hanyalah simbolik kepada dunia realiti. Menurut Picasso (Picasso, 1939): “*Picasso’s “classic” figure drawing of 1923 to 1925 are more spontaneous than the comparatively calculated studies of the “Ingres” period, 1917-20. These two compositions (Guitar, 1926 and Guitar, 1926) recall the radical experimentation with a variety of unconventional materials in the cubist collages and relief constructions of 1913-14. The year 1926 was in several ways a time of renewed experiment.*” (hal.129, 130). Keunikan yang tersendiri Picasso turut mencakupi penggunaan materi selain cat minyak di atas kanvas. Kebanyakan gambarannya ringkas, misalnya karya bertajuk *Guitar* (1926), tali gitar dilekatkan di atas kanvas secara memanjang sebanyak dua utas, berada di tengah kanvas dan berada di atas kertas berupa jaring halus yang digamkan di atas kanvas. Barbara Rae (Simpson, 1993, hal.206), telah diwawancara dengan soalan yang bermaksud catan-catannya ada unsur abstrak yang berkualiti kukuh, juga dasarnya ialah dunia nyata, jadi, apakah yang dicarinya untuk perkara utama. Dijawabnya, “*If I have to condense it into a single idea I'd say that it is the effect of people on the landscape – a garden, for instance, where there's a man-made structure such as a wall or doorway. Or it's the quality of land that's been worked over and over again.*” Pendapat ini sama dengan sikap Picasso yang menghasilkan catan hingga menjadi unik.

Pemaknaan kubisme Picasso yang merentas bidang

Menurut Shaoqiang (2010), arkitek Norway mengadakan pameran karya berupa ciptaan baharu yang dibina daripada tiga ribu kiub yang dinamakan *Cardboard Cloud* diadakan di Oslo, Norway, di depan dan tapak karya seluas 350 meter persegi dan dikategorikan sebagai fantastik. Picasso turut prihatin akan proses perawatan perasaan dan akal, dan kubisme yang diciptanya turut berfungsi, seperti yang dinyatakannya, bermaksud, catan bukanlah untuk hiasan dinding muzium tetapi ia ialah alat perjuangan dalam peperangan. (Richardson, 2007; 2010).

Titik temu kubisme Picasso dengan seni kontemporari

Terdapat tujuh titik temu kubisme Picasso dengan seni kontemporari iaitu pertama, ciri futuristik pada gambaran permukaan (*surface structure*), kedua, gabungan efek penggunaan alat lukis ke atas warna di atas kanvas iaitu efek legap dan efek tipis, ketiga, unsur rentas bidang, iaitu bidang matematik dan sejenisnya, iaitu geometri, fizik serta pengiraan dengan bidang kesenian serta keindahan. Keempat, idea futuristik pada permukaan dalaman (*deep structure*), kelima, cara pengucapan bahasa visual yang berbeza-beza atau banyak cara dicipta untuk menjelaskan sesuatu isu, keenam, nilai keberanian seniman ada tandanya pada karya, manakala ketujuh ialah nilai kerohanian keagamaan yang ketara. Titik temu ketiga iaitu rentas bidang sememangnya banyak karya kedua-dua pihak iaitu karya Picasso dan karya seni kontemporari. Catan yang bertajuk *Head of A Woman* yang banyak jumlahnya dengan tajuk yang

Cubism Picasso

sama, juga yang bertajuk *Seated Nude* dan *Nude* mengandungi banyak ilmu bidang geometri, matematik, ekonomi, teknologi, budaya, muzik, psikologi, sosiologi, komunikasi dan keagamaan. Ia juga bermakna pelukis layak dihargai oleh masyarakat kerana memiliki serta menguasai ilmu kesenian dan banyak cabangnya juga ilmu-ilmu yang penting dalam kehidupan masyarakat. Keempat ialah titik temu berupa elemen futuristik pada ilmu dan laras tinggi pemikiran yang ada pada dataran dalaman (*deep structure*).

KESIMPULAN

Mengkaji catan kubisme Pablo Picasso menerusi enam prinsip kerangka konseptual gaya Picasso yang dibina iaitu, pertama, unsur tampak dan tidak tampak dalam catan ditandai pemikiran laras tinggi, kedua, teknik penciptaan unsur dalam catan lebih kreatif, ketiga, elemen geometrikal yang lebih rencam pada aspek bentuk (*form*), keempat, peluasan makna berdasarkan karya kubisme lebih berkesenian, kelima, perubahan demi perubahan dalam catan terserlah, dan, keenam, keunikan tersendiri, berasaskan dua perkara utama iaitu, pertama, kata-kata Picasso, dan kedua, elemen dalam catan-catannya. Wujud relavansi kedua-dua perkara ini. Pengertian kubisme dapat dikesan dan dikenal pasti iaitu bukan setakat ada elemen tampak berupa bentuk serta garisan geometrikal dan kiub, tetapi bentuk-bentuk berupa objek teknologi, peralatan telekomunikasi. Jika sekadar merujuk garisan geometrikal yang ada dalam catan kubisme, seni Islam yang ada pada bangunan sejak abad yang ke-8, dan menurut Abdul Jabbar Beg (1977): “*The Umayyad caliph were the first muslim rulers who were the connciasseurs of the art of painting, The wall of the Umayyad desert palaces like Qusayr ‘Amra were decorated with paintings, for instance, of six ancient kings vanquished by Islam, of women and of the Zodiac signs.*” (hal.9) Seni Islam begini wujud lebih awal. Kain sutera yang coraknya ialah garisan geometrikal disulam di Andalusia pada abad yang ke-14 (Abdul Jabbar Beg, 1977).

Ciri khusus kubisme dikenal pasti iaitu ia tidak ditandai pada had masa, tetapi berkeadaan sama dan tiada usia khusus, hingga ia sentiasa sesuai pada sebarang masa. Mencatat tarikh terciptanya catan itu menjadi sekadar maksud teknikal tetapi ciri catan baik pada elemen tampak mahupun elemen falsafah dan unsur abstrak tetap berstatus malar (*evergreen*). Rupa bangunan pada catan kubisme Picasso yang dihasilkannya pada awal abad ke-20, didapati baharu dibina pada abad yang ke-21. Sikap manusia, budaya kehidupan dan tatacara manusia berfikir yang digambarkan dalam catan Picasso yang diciptanya pada awal abad yang ke-20, dikenal pasti berlaku pada abad yang ke-21, misalnya, penghargaan kepada karya kesenian, fungsi catan, tatacara pelukis mencipta karya dan rupa urus niaga kesenian catan. Catan sudah menjadi cermin kepada manusia untuk mengenal pasti rupa keadaan kehidupan manusia, pola pemikiran dan pengkaji masyarakat boleh kenal pasti bahawa seniman visual menjadi perakam gambaran realiti dan diterapkan elemen falsafah dan pendidikan untuk memperbaiki kerohanian manusia. Tujuh titik temu catan kubisme Picasso dengan catan kontemporari menjadi landasan yang kukuh bagi membolehkan kubisme relavan dan ia boleh terus dicipta oleh seniman hingga kini dan masa yang akan datang. Kubisme dikenal pasti bermanfaat kepada manusia dahulu, kini dan akan datang kerana kandungan ilmu yang tinggi ada dalam catan dan menjadi alat yang boleh meningkatkan laras pemikiran manusia, dengan itu, banyak masalah kehidupan boleh diselesaikan dan bebanan dapat diringankan.

RUJUKAN

- Alfred H.Barr, Rj. (1936). *Cubism and Abstract*. New York: The Museum of Modern Art.
Blocker, H. G & Jeffers, J. M. (1990). *Contextualizing Aesthetics: From Plato to Lyotard*. Belmont: Wadsworth Pub.Co.
Cloud. (2012). Pablo Picasso Biography. <http://www.youtube.com/watch?v=PeZvp0juhRE>
Daniel-Henry, K. (2008). The Rise of Cubism. San Francisco: Wittenborn Art Books
Dan O'Brien (2018) Cubism:Art and Philosophy.
Doss, J. M. (2001). Aesthetic Revolutionaries: Picasso and Joyce, tesis bagi memenuhi sebahagian syarat peroleh ijazah sarjana yang diajukan kepada Marshall University.
Jones, C., Lorenzen, M., & Sapsed, J. (Eds.). (2015). *The Oxford handbook of creative industries*. OUP Oxford.

- Kara, H. (2015). Creative Research Methods (Art based Methods), National Centre for Research Methods, retrieved from 18 Mei 2019.
- McKinsey, J C. (1997). Conversations with The Masters: Picasso's Dialoques with Velazquez, tesis bagi memenuhi sebahagian syarat peroleh ijazah sarjana yang diajukan kepada University of North Texas, Amerika Syarikat.
- McNiff, S. (1998). *Art-based research*. Jessica Kingsley Publishers.
- Muhammad Abdul Jabbar Beg. (1981). Fine arts in Islamic civilization. Kuala Lumpur: Sally Printing Services.
- Museu Picasso de Barcelona. (2019). Permanent Collection virtual route, www.museupicasso.bcn.cat.
- Nerd. (2016). *How to Understand A Picasso* http://www.youtube.com/watch?v=_HGW1DQO1xQ
- Pablo Picasso Jr. (2013) *HD Pablo Picasso Documentary* <http://www.youtube.com/watch?v=xVEV7CfDngs>
- Richardson, J. (2010). *A Life of Picasso: The Triumphant Years, 1917-1932*. New York: Random House USA Inc.
- Weaver, B. (2016). *Creative Truth*. Boca Raton: CRC Press Taylor & Francis Group.
- Zangwill, N. (2007). *Aesthetic creation*. Oxford University Press.